

Berita Ba UTeM

www.utem.edu.my | edisi Januari 2013



UTeM Tandatangani MoU *bersama* University of Tokushima Jepun



Majlis PERUTUSAN NAIB CANSOLOR 2013

MENJULANG
KUALITI & INOVASI
MEMPERKASA **KEUNIKAN** TERPUJI



Majlis Palestin Tetap Segar Di Hati
SALUR BANTUAN KEMANUSIAAN KE GAZA



Delegasi Morocco
Kagum Usaha UTeM
Bangunkan Teknologi Tenaga Boleh
Diperbaharui

Isi Kandungan Januari

- 2 Delegasi Morocco Kagum Usaha UTeM Bangunkan Teknologi Tenaga Boleh Diperbaharui
- 3 Majlis Palestin Tetap Segar Di Hati Salur Bantuan Kemanusiaan Ke Gaza
- 4 Majlis Perutusan Naib Canselor 2013
- 6 UTeM Tandatangani MoU Bersama University Of Tokushima Jepun
- 7 Kerjasama UTeM, University Of Applied Science Rosenhaim Dan Infineon Lawatan Kedutaan Arab Saudi Ke UTeM Kukuhkan Jalinan Hubungan Antarabangsa
- 8 Pusanita Cawangan UTeM anjur Kejohanan Bowling Piala Datin Kartini
- 9 Staf Canselori Jalani Program Perkukuh Semangat Berpasukan Dan Kreativiti Tinggi
- 10 Pentadbir Akademik Ikuti Taklimat Pelaksanaan OBE
- 11 Poket Kering Program Motivasi Pengurusan Kewangan Berhemah
- 12 Warga Kerja FKE Adakan Lawatan Sambil Belajar Ke Proton Dan Stesen Janakuasa TNB
- 13 Mahasiswa UTeM Pupuk Minat Bidang Keusahawanan
- 14 Mahasiswa Laksana Program Khidmat Komuniti Di Kepulauan Indonesia
- 15 Fakulti Teknologi Kejuruteraan Anjur Bengkel Pelan Strategik 2013-2020
- 16 Warga UTeM Ikuti Program Penjagaan Kesihatan
- 17 Kursus IELTS Tingkat Penguasaan Bahasa Inggeris Tenaga Akademik UTeM Al-Fatihah
- 18 Kem Aspirasi Pupuk Kesedaran Harga Alam Sekitar
- 19 Kompilasi Keratan Akhbar Januari 2013



Delegasi Morocco

Kagum Usaha UTeM Bangunkan Teknologi Tenaga Boleh Diperbaharui

17 Januari : Keunikan konsep pembelajaran dan pengajaran serta pemerkasaan bidang penyelidikan dan inovasi di UTeM yang berteraskan aplikasi terus mendapat perhatian dunia.

Baru-baru ini universiti ini telah dikunjungi oleh delegasi dari Morocco yang berminat melihat usaha UTeM dalam membangunkan teknologi tenaga boleh diperbaharui.

Menurut Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee Laidin yang mempengerusikan lawatan itu berkata, delegasi tersebut terdiri daripada pegawai kanan Hassan II Academy of Science and Technology Morocco yang sedang dalam rangka mesyuarat di Kuala Lumpur.

Beliau yang juga merupakan felo Akademi Sains Malaysia berkata, lawatan itu bertujuan untuk memperkenalkan universiti teknikal pertama di Malaysia di samping mengambil peluang menambah jalinan kerjasama bersama agensi penyelidikan antarabangsa.

Delegasi Hassan II Academy of Science and Technology yang berpangkalan di Rabat, Morocco diwakili oleh Prof. Tijani Bounahmidi dan Prof. Mohamed Belaiche melahirkan rasa kagum terhadap perkembangan penyelidikan tenaga melalui pelbagai inisiatif dilaksanakan di UTeM.

Terdahulu, Naib Canselor UTeM dan pengurusan universiti telah mengadakan pertemuan dan perbincangan bersama delegasi tersebut berkaitan konsep pengajian, penyelidikan serta hubungan industri sepanjang lebih sedekad penubuhan universiti ini.

Hasil perbincangan tersebut, kedua-dua belah pihak bersetuju untuk menjalinkan hubungan dua hala dalam bidang penyelidikan khususnya berkaitan teknologi tenaga boleh diperbaharui.

Selain lawatan ke sekitar kampus, delegasi Hassan II Academy of Science and Technology turut diperkenalkan dengan pelbagai produk penyelidikan yang dihasilkan oleh Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) seperti peralatan berkuasa solar serta sebuah kereta Proton Saga berkuasa elektrik yang beraksi cemerlang di Proton Green Mobility Challenge 2012 (PGMC 2012).

MAJLIS PALESTIN TETAP SEGAR DI HATI SALUR BANTUAN KEMANUSIAAN KE GAZA



30 Januari : Kekejaman rejim zionis yang mengakibatkan kesengsaraan ke atas penduduk Palestin khususnya di Gaza terus mendapat perhatian serius pelbagai pihak di seluruh dunia.

PUSPANITA Cawangan UTeM turut tidak ketinggalan melahirkan sokongan padu ke atas penduduk Gaza dengan menganjurkan majlis Palestin Tetap Segar Di Hati bertempat di Dewan Besar hari ini.

Pada majlis tersebut, PUSPANITA Cawangan UTeM dengan kerjasama UTeM serta badan-badan korporat dan orang perseorangan telah menyalurkan sumbangan kepada Pertubuhan HALUAN untuk membiayai pembinaan Pusat Kanser Al-Huda di Gaza.

Turut diadakan sesi perkongsian pengalaman bersama Ketua Biro HALUAN Palestin, Dr. Syed Muhammad Haleem Syed Hassan yang pernah menyertai Gaza Freedom Flotilla pada tahun 2010 di mana beliau dan sukarelawan lain yang menaiki kapal Mavi Marmara telah diserang oleh komando Israel.

Dalam sesi tersebut, beliau menceritakan sejarah pendudukan haram Israel di bumi Palestin serta pelbagai kekejaman yang berlaku antaranya serangan terhadap kediaman, sekolah, hospital serta masjid-masjid di Palestin.

Penggunaan senjata dengan bahan kimia juga turut dibongkar oleh beliau yang mengakibatkan majoriti penduduk Gaza kini menderita akibat kanser dan memerlukan kelengkapan dan bekalan perubatan yang banyak.

Penghayatan semangat perjuangan rakyat Palestin turut diluahkan melalui persembahan sajak oleh deklamator undangan mewakili PUSPANITA, UTeM dan HALUAN.

Melalui kempen kutipan tabung sumbangan yang dianjurkan oleh UTeM dan PUSPANITA Cawangan UTeM, sejumlah RM 136,041 berjaya dikumpulkan dan disalurkan bagi pembelian kelengkapan dan perubatan Pusat Kanser Al-Huda di Gaza.

Pengerusi PUSPANITA Cawangan UTeM, Datin Sara Ayub sewaktu ditemui dalam sidang media menjelaskan bahawa penderitaan penduduk di Gaza seharusnya dibela dan inisiatif yang dilaksanakan di UTeM adalah sebagai langkah permulaan kepada kerjasama berterusan pada masa akan datang.

Beliau turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada dermawan yang telah sudi menghulurkan sumbangan serta komitmen dalam menjayakan majlis itu.

Majlis PERUTUSAN NAIB CANSOLOR 2013

MENJULANG
KUALITI & INOVASI
MEMPERKASA **KEUNIKAN** TERPUJI



30 Januari : Seluruh warga UTeM diseru agar memantapkan set minda ke arah masa depan gemilang universiti bersandarkan kepada Pelan Strategik UTeM 2012-2020.

Demikian saranan yang disampaikan oleh Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di hadapan 2,000 hadirin terdiri daripada staf dan perwakilan pelajar di Majlis Perutusan Naib Canselor 2013 di Dewan Besar, Kampus Induk hari ini.

Bertemakan 'Menjulung Kualiti & Inovasi, Memperkasa Keunikan Terpuji' Dr. Ahmad Yusoff mengajak warga universiti untuk sama-sama mengangkat dan memartabatkan inovasi supaya keunikan UTeM selaku pelopor pengajian teknikal diserlahkan dengan lebih jelas.

Beliau turut menyeru hadirin agar menjadi perintis kepada pencapaian yang hebat, berfikir secara strategik, berfokus, melaksanakan amanah dengan penuh iltizam serta bekerja sebagai satu pasukan yang kukuh.

Tiga kata kunci yang dititikberatkan pada perutusan tahun ini ialah kualiti, inovasi dan keunikan yang seharusnya dipegang oleh warga UTeM dalam mengatur langkah serta perancangan untuk menepati visi dan misi universiti, kata beliau lagi.

"Tiga perkara ini iaitu kualiti, inovasi dan keunikan amat relevan kepada seluruh warga universiti dan ianya akan memberi impak ke arah pencapaian 3R iaitu 'Relevant, Referred, Respected' yakni relevan, dirujuk serta dihormati," katanya.

Beliau seterusnya menghuraikan dengan terperinci hasrat yang digariskan merujuk kepada tema-tema Pelan Strategik UTeM 2012-2020.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru agar penggunaan aplikasi teknologi maklumat dipergiatkan dengan mengambil kesempatan terhadap perkembangan dunia ICT yang semakin maju serta kecenderungan golongan sasaran Generasi Y. Dr. Ahmad Yusoff juga tidak ketinggalan melahirkan penghargaan kepada semua lapisan warga kerja UTeM yang telah sama-sama membangun serta menaikkan nama universiti melalui prestasi gemilang sepanjang tahun 2012.

Dalam majlis yang sama, beliau turut melancarkan buku terbitan khas Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) sebagai tanda kejayaan penganjuran program tersebut.



Sekitar Majlis

PERUTUSAN NAIB CANSOLOR 2013





31 Januari : UTeM menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan sebuah universiti dari Jepun iaitu University of Tokushima hari ini di Kampus Induk UTeM Durian Tunggal.

UTeM Tandatangani MoU *bersama* University of Tokushima Jepun

Majlis menandatangani MoU itu berjaya mengeratkan lagi hubungan strategik dua hala antara kedua-dua universiti tersebut yang menumpukan kerjasama pintar dalam bidang penyelidikan, pertukaran staf dan pelajar serta pertukaran maklumat akademik.

Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang ditemui dalam majlis itu berkata, MoU yang dimeterai memberikan signifikan kepada kedua-dua universiti dalam meningkatkan kepakaran masing-masing.

"Peluang sebegini wajar digunakan sebagai satu platform bagi kedua-dua pihak bekerjasama dalam melaksanakan perkongsian yang memberikan manfaat bersama di samping kerjasama dalam aspek pengajaran dan pembelajaran," jelas Dr. Ahmad Yusoff.



Intipati lain yang terkandung dalam MoU itu turut menyentuh berhubung pertukaran bahan-bahan rujukan saintifik bagi kegunaan ahli akademik bagi kedua-dua buah universiti.

University of Tokushima diwakili oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan, Prof. Tokuo Onishi bersama timbalannya Prof. Dr. Junichiro Fukutomi serta Prof. Dr. Teruaki Ito. Delegasi tersebut juga dibawa melawat beberapa kemudahan pengajaran dan pembelajaran di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP).





**Kerjasama UTeM,
UNIVERSITY OF APPLIED
SCIENCES ROSENHAIM dan
INFINEON TECHNOLOGIES**

Perkukuh Program Dual Master

30 Januari : UTeM telah menerima kunjungan Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Antarabangsa University of Applied Sciences Rosenhaim, Jerman baru-baru ini di Kampus Induk Durian Tunggal.

Kehadiran Prof. Werner Braatz telah disambut oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi serta pegawai-pegawai kanan universiti.

Kunjungan University of Applied Sciences Rosenhaim ke UTeM lebih tertumpu kepada jalinan kerjasama strategik antara kedua-dua universiti terutama sekali dalam pembangunan akademik di peringkat pasca siswazah.

Dalam pertemuan tersebut Prof. Werner Braatz membentangkan latarbelakang konsep pembelajaran di universiti Jerman serta membincangkan dengan lebih mendalam "Dual Master Program" di antara UTeM, University of Applied Sciences Rosenhaim serta penglibatan syarikat Infineon Technologies.

Satu Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UTeM dan University of Applied Sciences Rosenhaim juga dimeterai bagi menjayakan program pasca siswazah yang bakal memulakan pengajian pada bulan September ini.

Prof. Werner Braatz juga turut dibawa meninjau kemudahan makmal berteknologi tinggi di sini serta lawatan ke tapak warisan dunia di Bandaraya Melaka.

Lawatan Kedutaan Arab Saudi Ke UTeM Kukuhkan Jalinan Hubungan Antarabangsa



15 Januari : Kecemerlangan UTeM di peringkat antarabangsa terus menjadi daya tarikan kepada jalinan hubungan dengan pelbagai institusi mahupun organisasi kerajaan luar negara.

Hari ini Kampus Induk UTeM dikunjungi wakil kedutaan Arab Saudi untuk meninjau dengan lebih dekat perkembangan terkini universiti tersebut dalam usaha membawa masuk lebih ramai pelajar dari negara itu mengikuti pengajian di UTeM.

Kunjungan delegasi kerajaan Arab Saudi diketuai oleh Atase Pendidikan dan Kebudayaan Kedutaan Arab Saudi di Malaysia, Dr. Abdurahman Fusayl yang mengadakan pertemuan dengan Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dan pengurusan tertinggi universiti.

Dalam pertemuan itu, Dr. Abdurahman melahirkan rasa kagum terhadap kemajuan dan pencapaian UTeM terutama sekali dalam bidang penyelidikan dan inovasi serta inisiatif pihak universiti dalam menyediakan kemudahan untuk pelajar-pelajar antarabangsa.


"Pihak kedutaan secara dasarnya sangat yakin serta berpuas hati terhadap prestasi UTeM dan kami akan berusaha sedaya upaya mendapatkan persetujuan daripada Kementerian Pengajian Tinggi Arab Saudi untuk memberi kelulusan pembiayaan biasiswa agar pelajar-pelajar dari sana dapat mengikuti pengajian di universiti terbaik ini," jelas Dr. Abdurahman ketika ditemui.

Katanya lagi, kedudukan UTeM yang sangat strategik dan kemudahan pembelajaran yang kondusif menjadikan universiti tersebut menjadi satu pilihan bijak bagi pelajar-pelajar dari Timur Tengah.

Sementara itu, Naib Canselor UTeM, Dr. Ahmad Yusoff ketika ditemui pula berkata, pengiktirafan daripada Kementerian Pengajian Tinggi Arab Saudi bakal membuka lembaran baru kepada universiti untuk menerima lebih ramai lagi pelajar antarabangsa.

"Melalui maklumbalas yang diterima, pihak kedutaan telah pun menghantar dokumen kepada kementerian di sana dan kita jangkakan sesuatu yang positif bakal berlaku dan perkara ini akan menjadikan UTeM pilihan utama pelajar-pelajar dari Arab Saudi," jelas Dr. Ahmad Yusoff lagi.

PUSPANITA Cawangan UTeM *anjur* Kejohanan Bowling PIALA DATIN KARTINI



16 Januari : PUSPANITA Cawangan UTeM hari ini menganjurkan Kejohanan Bowling Tertutup Piala Datin Kartini bertempat di Melaka International Bowling Centre (MIBC) Ayer Keroh.

Dianjurkan oleh Biro Sukan, Rekreasi dan Kebudayaan PUSPANITA Cawangan UTeM, kejohanan itu mendapat sambutan menggalakkan daripada ahli-ahlinya apabila seramai 30 penyertaan berjaya dicatatkan.

Menurut Timbalan Pengerusi I PUSPANITA Cawangan UTeM, Datin Kartini Ahmad berkata, pertandingan tersebut diadakan untuk merapatkan hubungan sesama ahli di samping mempromosikan gaya hidup sihat dan cergas melalui sukan.

"Penganjuran seperti ini amat bermakna kerana kami dapat berkumpul dan beramah mesra dalam suasana yang santai sambil memberi sokongan padu antara satu sama lain," jelas beliau ketika ditemui.

Acara tersebut jelasnya lagi bertindak sebagai penghubung jalinan persahabatan seperti yang diterapkan dalam setiap penganjuran aktiviti pertubuhan itu.

Pada pertandingan yang berlangsung sengit itu, Siti Nabilah Zulkifly muncul sebagai juara perseorangan apabila mencatat 455 jatuhan pin manakala Prof. Madya Norhaziah Md. Salleh di tangga kedua dengan 447 mata.

Tempat ketiga menjadi milik Suhana Ariffin dengan jatuhan 440 pin dan kesemua pemenang menerima piala iringan, wang tunai dan sijil penyertaan.

Kemeriahan dan keseronokan jelas terpancar di wajah peserta yang julung kalinya dapat meluangkan masa bersama menyertai acara tersebut.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Datin Kartini dan beliau melahirkan harapan agar aktiviti riadah seperti itu dapat dianjurkan selalu demi mengukuhkan semangat setiakawan dalam kalangan ahli-ahli PUSPANITA Cawangan UTeM.





Staf Canselori Jalani

PROGRAM PERINTIS

MENERAJUI PERUBAHAN

Perkukuh Semangat Berpasukan Dan Kreativiti Tinggi

11 Januari : Semangat kerja berpasukan merupakan satu elemen penting yang sangat dititikberatkan untuk mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan oleh sesebuah organisasi.

Berlandaskan kepentingan tersebut, UTeM telah menganjurkan sebuah program yang dikenali sebagai PERINTIS bertujuan memperkukuhkan semangat berpasukan dan menyuntik pemikiran kreatif dalam kalangan warga kerjanya.

Seramai 120 staf Canselori terlibat dalam program PERINTIS termasuk Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang mengikuti keseluruhan modul latihan.

Jelas beliau, PERINTIS merupakan satu program dalaman yang mensasarkan pembentukan pasukan kerja yang mantap beserta suntikan pemikiran kreatif yang akan digunakan untuk membangunkan universiti.

Tambah beliau, pengisian program tersebut melibatkan aktiviti fizikal, gerak kerja berkumpulan serta program kerohanian yang dianjurkan sepenuhnya di dalam Kampus Induk menggunakan kepakaran dalaman.

"Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti "eco escapade" iaitu program kembara melibatkan beberapa tugas yang perlu diselesaikan sepanjang perjalanan".

"Peserta yang mengikuti program tersebut dikehendaki melengkapkan tugas atau cabaran di setiap "checkpoint" membabitkan kebolehan berfikir secara luar biasa, kesepakatan dalam pasukan serta kekuatan fizikal dan mental", kata beliau.

Selain itu peserta turut berpeluang mengikuti aktiviti lasak seperti memanjat tembok tiruan dan aktiviti "flying fox" selain bermalam di dalam khemah di tapak yang disediakan.

Mengulas lanjut beliau berkata, PERINTIS sangat berbeza dari program latihan yang selalu dianjurkan kerana kali ini kawasan semulajadi UTeM yang luas menghijau dijadikan lokasi aktiviti dan ini secara tidak langsung mendekatkan diri peserta dengan alam semulajadi.

Kemuncak kepada program tersebut, peserta membentangkan idea-idea inovatif secara berkumpulan dalam usaha melonjakkan nama universiti ke peringkat lebih tinggi.

PERINTIS akan dilaksanakan bergilir-gilir mengikut jabatan di dalam UTeM dan setiap kemajuan hasil dari program tersebut akan dinilai secara terperinci bagi memastikan objektif utama program dicapai dengan jayanya.



Pentadbir Akademik Ikuti Taklimat Pelaksanaan OBE

15 Januari : Sesi taklimat pelaksanaan *Outcome Based Education* (OBE) telah dianjurkan hari ini bertempat di Auditorium Canselori, Kampus Induk di sini.

Pengarah Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Akademik, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Dr. Aishah binti Abu Bakar hadir menyampaikan taklimat tersebut di hadapan pensyarah dan pentadbir akademik UTeM.

Seramai 60 peserta mengikuti taklimat itu terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan Akademik, Ketua Jabatan serta Ketua Penolong Pendaftar bagi fakulti masing-masing.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi menyampaikan ucapan aluan dengan melahirkan penghargaan kepada KPT yang sentiasa menekankan perkongsian ilmu bersama pentadbir-pentadbir akademik serta berharap agar pelbagai aktiviti dapat dianjurkan bersama.

Beliau turut menyeru ahli-ahli akademik UTeM agar memanfaatkan sesi tersebut yang memberi banyak input berguna dalam memantapkan pengajaran dan pembelajaran di universiti ini.





"POKET KERING"

- PROGRAM MOTIVASI PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAH

17 Januari : Aspek pengurusan kewangan secara berhemah merupakan isu yang sering diperkatakan khususnya dalam kalangan penjawat awam di negara ini.

Justeru, seramai 160 orang kakitangan UTeM hari ini menyertai program motivasi bulanan bertajuk "Poket Kering" bertempat di Dewan Auditorium Canselori, Kampus Induk di Durian Tunggal.

Dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar UTeM, program tersebut mendapat sambutan positif daripada kakitangan pelbagai jabatan di universiti itu.

Pengarah Program tersebut, Muhammad Hazrul Md Esa berkata, program yang dianjurkan bertujuan memberi pendedahan kepada peserta berhubung pengurusan kewangan secara berhemah.

Jelasnya lagi, kaedah pengurusan kewangan yang betul amat penting bagi memastikan perbelanjaan harian dan bulanan tidak melebihi pendapatan sedia ada bagi mengelakkan bebanan hutang yang tinggi.

Penceramah bagi program itu ialah pegawai kaunselor dari Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) Melaka, Raju A/L Periasamy yang mengupas dengan lebih mendalam berkaitan pendapatan bulanan, pengagihan perbelanjaan serta perkongsian pengalaman bersama peserta.

"Salah satu cara mengawal perbelanjaan ialah dengan mengawal penggunaan kad kredit secara berhati-hati dan berhemah supaya dapat mengelakkan daripada beban hutang hingga boleh mencetuskan kemuffisan," jelasnya. Beliau turut menjelaskan bahawa golongan muda lingkungan 24 hingga 30 tahun paling banyak diisytiharkan mufis akibat perbelanjaan kad kredit tidak terkawal dan hutang yang terlalu tinggi

"Saya ingin menasihatkan supaya anda berhati-hati dalam menguruskan perbelanjaan kewangan masing-masing kerana walaupun pelbagai kaedah pengurusan kewangan berhemah diamalkan, namun tanpa gandingan sikap dan disiplin yang baik, nescaya ianya tidak akan membuahkan hasil," kata Raju di akhir program tersebut.

WARGA KERJA FKE
ADAKAN LAWATAN
SAMBIL BELAJAR KE

PROTON DAN STESEN JANAKUASA TNB



23 Januari : Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) mengambil langkah proaktif dalam memberi pendedahan industri kepada pensyarah dan juruteknik dalam beberapa siri penganjuran lawatan sambil belajar.

Satu lawatan sambil belajar diketuai Ketua Penolong Pendaftar, Abd. Aziz Hj. Mustafa bersama 6 pensyarah, 21 juruteknik dan dua staf pentadbiran FKE telah melawat kilang Proton di Tanjung Malim, Perak dan Stesen Janakuasa Elektrik Habu di Cameron Highlands.

Dekan FKE Prof. Madya Dr. Zulkiflie Ibrahim berkata, lawatan staf fakulti ke industri diharap akan memberi pendedahan kepada mereka dengan suasana sebenar dalam industri pembuatan dan penjanaan tenaga elektrik, di samping mempelajari sistem yang digunapakai di industri, bidang pengurusan, budaya dan efika kerja bagi mencapai misi dan visi fakulti dan universiti.

Pada hari pertama lawatan, staf FKE telah dibawa melawat ke 3 daripada 5 sektor bahagian di kilang Proton Holdings Berhad iaitu bahagian Stamping, Pemasangan Badan serta Kemasan & Pemasangan Akhir.

Seterusnya, warga FKE dibawa melawat Stesen Janakuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB), Habu di Cameron Highlands.

Menurut Jurutera Operasi TNB yang menyambut kehadiran delegasi FKE, Khairul Azman berkata, stesen janakuasa itu mampu membekalkan sebanyak 5.5 Mega Watt (MW) bagi kapasiti penjanaan elektrik untuk kegunaan di Cameron Highlands dan kawasan sekitarnya.

Warga FKE kemudiannya berpeluang melihat dengan lebih dekat bilik kawalan janakuasa itu sekaligus menambah pengalaman dan kefahaman terhadap operasi harian stesen janakuasa tersebut.



MAHASISWA | PUPUK MINAT BIDANG UTeM | KEUSAHAWANAN

Bidang keusahawanan merupakan bidang yang perlu diceburi oleh mahasiswa pada masa kini selain bergantung kepada penawaran pekerjaan dalam sektor awam dan korporat.

Justeru, bagi memupuk minat mahasiswa untuk menjadi seorang usahawan, Sekretariat Anak Melaka (SAM) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan lawatan sambil belajar ke kilang produk makanan Mat Salai Sdn. Bhd. di Puchong baru-baru ini.

Menurut Pegawai Kebudayaan UTeM merangkap penasihat SAM, Amir Ali berkata, Mat Salai Sdn. Bhd. ini dipilih kerana ia adalah salah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan berkonsepkan "stall burger" iaitu konsep kiosk mudah alih dan mudah dipasang di mana-mana sahaja.

"Ini boleh menarik minat mahasiswa untuk menjalankan perniagaan dan seterusnya menjadi usahawan dengan bimbingan syarikat ini walaupun masih lagi dalam alam pengajian di universiti", ujar beliau.

Tambah beliau lagi, program lawatan ini juga turut berjaya memupuk kesedaran dalam kalangan mahasiswa bahawa bidang perniagaan menjanjikan kejayaan jika diusahakan secara komprehensif.

Seramai 30 mahasiswa turut serta di dalam program ini dan mereka berpeluang mendengar taklimat mengenai operasi produk makanan Mat Salai ini secara langsung daripada Pengarah Urusan syarikat, Maznah Muhamad.



MAHASISWA LAKSANA PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI DI KEPULAUAN INDONESIA



Mahasiswa UTeM sentiasa proaktif dan prihatin terhadap tanggungjawab sosial dan komuniti yang bukan hanya di peringkat nasional malahan turut menabur bakti di peringkat rantau Asia Tenggara.

Terbaru seramai 20 orang siswa dan siswi terdiri daripada pemimpin pelajar bersama empat orang kakitangan UTeM telah mengadakan program khidmat komuniti di Kepulauan Karimun, Indonesia baru-baru ini.

Program ini merupakan anjuran UTeM bersama dengan Majlis Sukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Menurut Pegawai Kebudayaan UTeM Amir Ali ketika ditemui berkata, objektif program tersebut adalah untuk menyemai rasa prihatin mahasiswa terhadap masyarakat luar yang masih memerlukan bantuan.

"Di samping itu, program sebegini juga turut membentuk mahasiswa UTeM ke arah berfikir global terutamanya dalam melaksanakan aktiviti dalam mengeratkan hubungan antara mahasiswa dengan masyarakat luar tanpa mengira perbezaan umur, agama dan bangsa serta sempadan antara negara", ujar beliau.

Pelbagai pengisian acara dilaksanakan semasa berada di sana antaranya program lawatan dan perbincangan dengan pelajar di Universiti Karimun dan menyerahkan komputer kepada Sekolah Teknik Tanjung Batu, Pulau Kundur.

Di sana, mahasiswa UTeM turut membantu sekolah berkenaan dalam meningkatkan sistem komputer, menunjukkan cara memperbaiki komputer secara teori dan praktikal serta mengajar aplikasi-aplikasi terkini kepada pelajar-pelajar sekolah teknik tersebut.

Mengulas lanjut beliau berkata, kedua-dua universiti iaitu UTeM dan Universiti Karimun juga turut mengadakan malam kebudayaan bagi menonjolkan persembahan budaya kedua-dua negara yang sememangnya unik dalam persekitaran budaya kepulauan melayu di rantau ini.

Beliau mengharapkan dengan adanya program ini mahasiswa dapat membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif antara mahasiswa dan masyarakat luar untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ANJUR

BENGGKEL PELAN STRATEGIK FTK 2013 – 2020

Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) baru-baru ini telah menganjurkan bengkel bagi merangka pelan strategik jangka panjang fakulti itu bagi tahun 2013-2020.

Bengkel tersebut dipengerusikan oleh Dekan fakulti Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff dengan melibatkan penyertaan dari setiap jabatan di FTK.

Menurut Mohd Rahimi, bengkel selama dua hari itu dianggap penting bagi sama-sama merancang dan memastikan halatuju FTK untuk tempoh 8 tahun dari sekarang.

“Penganjuran bengkel ini dilihat sebagai satu inisiatif dan kaedah dalam memastikan perancangan FTK selari dengan hasrat UTeM seperti mana yang terkandung di dalam Pelan Strategik UTeM untuk tahun 2012-2020,” jelas beliau.

Katanya lagi, selain merangka pelan strategik FTK 2013 - 2020, penganjuran bengkel itu juga bertujuan untuk merancang aktiviti FTK bagi tahun ini dan dilaksanakan sebagai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2013.



Di dalam ucapannya, Mohd Rahimi telah menerangkan situasi, pencapaian dan aktiviti yang telah dijalankan di fakulti. Beliau turut menyentuh tentang hasrat dan keperluan yang ingin dicapai UTeM melalui pelan strategik UTeM 2012-2020.

Kaedah perbincangan kumpulan juga telah diadakan mengikut enam tema Pelan Strategik UTeM. Beberapa pembentangan dan perincian telah disampaikan oleh peserta dengan mengkaji trend semasa serta maklum balas dari pelbagai sudut.

Sesi pembentangan tersebut telah berjaya memberi input positif kepada ahli dan melalui perbincangan yang telah diadakan, satu draf pelan strategik bagi tempoh lapan tahun dari sekarang telah berjaya dirangka dan sesi bengkel seterusnya akan dibuat dalam masa terdekat bagi memperhalusi lagi aktiviti strategik serta memastikan semua sasaran tercapai.



WARGA UTeM IKUTI PROGRAM PENJAGAAN KESIHATAN

22 Januari : Seramai 100 orang warga UTeM telah mengikuti ceramah kesihatan "Kaedah Perawatan Masalah Kegemukan" bertempat di Auditorium Canselor, kampus Induk Durian Tunggal hari ini.

Ceramah berkenaan anjuran Klinik Pelajar Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama dan sokongan daripada Hospital Pakar Putra Melaka.

Menurut Pegawai Perubatan, Klinik Pelajar UTeM Dr. Noor Rafidah Haron berkata, objektif program ceramah itu adalah untuk memberi pendedahan terperinci kepada masyarakat kampus tentang kaedah terbaik dalam mengawal berat badan dan menjelaskan tentang permasalahan kesihatan.

"Hal ini berkait rapat dengan Body Mass Index (BMI), sukatan pengambilan makanan harian serta kadar pengambilan kalori diperlukan mengikut umur di samping panduan menu dan kuantiti makanan yang perlu diambil berpandukan piramid makanan," ujar beliau.

Datuk Dr. Mohamad Suhaimi Mohamad Uda selaku penceramah program tersebut berkata, obesiti ditakrifkan sebagai kandungan lemak yang banyak disimpan di dalam badan. Jika terlalu banyak lemak terutama di lilitan pingang, akan ada risiko yang tinggi untuk menghadapi masalah kesihatan.

